

16/01/2001

PM hadir persembahan Stars of Musical

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, malam ini menghadiri persembahan "Stars of Musical" di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini.

Persembahan dua setengah jam itu mempamerkan enam penyanyi utama dan 18 penari dari kumpulan West End International (London) Ltd, julung kali dibawa ke Malaysia ditaja Celcom dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Persembahan muzikal itu turut mengetengahkan KL Philharmonik Orkestra, di bawah pimpinan Martin Yates sebagai pengarah muzik.

Penyanyi terbabit dalam muzikal itu ialah Joanna Ampil, Simon Bowman, Katrina Murphy, Andrew Haliday, Sally Ann Triplett dan Paulette Ivory.

Turut hadir ialah Pengerusi TRI/Celcom, Tan Sri Tajudin Ramli, isterinya, Puan Sri Faridah Ramli, Naib Presiden Eksekutif Kumpulan TRI/Celcom, Bistamam Ramli, Naib Presiden Eksekutif MAS, Datuk Abdullah Mat Zaid dan Naib Presiden Kanan, Datuk Bashir Ahmad.

Muzikal itu mempersembahkan 27 buah lagu daripada beberapa persembahan ternama termasuk The Lion King, Miss Saigon, Les Miserables, My Fair Lady dan The Phantom of Opera.

(END)